

EON

Jnspirasi

“TUNGGAK EVOLUSI PENDIDIKAN UiTMCNS”

Oleh

DR MUHAMMAD AIDIL IBRAHIM

Pusat Pengajian Biologi,
UiTM Cawangan Negeri Sembilan,
Kampus Kuala Pilah, Pekan Parit Tinggi,
72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan

aidilrahim@uitm.edu.my

Editor: Nursyazni Abdul Rahim

Edisi
Dr Noorlis
Ahmad



Potret Dr Noorlis Ahmad.

Sumber:

<https://nsembilan.uitm.edu.my/>

Tanggal 18 Mac 2020, merupakan tarikh keramat yang akan tersemat di dalam ingatan semua rakyat Malaysia. Tarikh ini merupakan hari pertama Malaysia menguatkuasakan pelaksanaan kawalan pergerakan (PKP1.0) disebabkan penularan wabak COVID-19. Disebabkan ini, institusi-institusi pendidikan Malaysia telah terpaksa untuk keluar dari zon selesa di mana sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara bersempena di dalam bilik-bilik kuliah dan kelas tidak lagi dapat dijalankan.

Semenjak PKP dilaksanakan, aktiviti P&P telah mengalami evolusi yang ekstrim iaitu segala aktiviti dijalankan secara atas talian. Perkara ini merupakan suatu yang amat mencabar bukan sahaja untuk para pendidik, juga untuk para pelajar di setiap peringkat pendidikan. Ini kerana kaedah atas talian ini belum pernah digunakan secara menyeluruh di dalam setiap sistem dan ini merupakan peluang keemasan untuk menambahbaik sistem pendidikan Malaysia sejajar dengan arus permodenan dunia.

**Universiti Teknologi MARA,
Cawangan Negeri Sembilan
(UiTMCNS) tidak terkecuali turut
merasakan tampanan evolusi P&P
ini. Salah seorang individu yang
telah memainkan peranan yang
amat penting bagi memurnikan dan
memudahkan gerak atur kerja
terutama dalam unit Hal Ehwal
Akademik (HEA) ialah seorang insan
yang bernama Dr. Noorlis Ahmad.**

Mari berkenalan dengan Dr. Noorlis Ahmad!

Dr. Noorlis Ahmad telah dilahirkan pada tanggal 23 September 1977 di Hospital Besar Pulau Pinang. Beliau merupakan anak sulung daripada dua adik-beradik dan telah dibesarkan di Pulau Pinang. Setelah beliau mendirikan rumah tangga, beliau, suami, dan dua orang anak kesayangan kini menetap di Desa Pinggiran Putra, Kajang, Selangor.

Salasilah pendidikan tinggi beliau bermula di pusat Matrikulasi dalam bidang Sains Hayat dengan pengkhususan dalam bidang Biologi di Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau seterusnya berjaya menaik taraf pendidikan ke peringkat ijazah sarjana muda di dalam bidang bioteknologi di Fakulti Sains Bioteknologi dan Sains Makanan juga di UPM.

Penasihat Akademik beliau ketika itu merupakan seorang pensyarah yang amat serasi dengan jiwa beliau sehingga di anggap sebagai bapa angkat kerana sifat peribadi Profesor Dr. Son Radu ini yang amat disenangi. Beliau juga telah ditawarkan oleh Prof. Son untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah sarjana dibawah penyeliaan beliau dalam bidang Biologi Molekul.



Bersama suami, Nordin Noor (58 tahun) dan anak-anak, Muhammad Iman Naim Nordin (14 tahun) dan Muhammad Ikmal Naim Nordin (11 tahun)



Gambar kenangan bersama kesemua ahli keluarga di Majlis Konvokesyen Ijazah Kedoktoran Dr Noorlis di UPM.

Sementara menyelesaikan tesis beliau, beliau sempat mengambil peluang untuk bekerja di Kolej Lagenda, Langkawi, di mana beliau mula untuk berjinak dalam bidang pengajaran. Setelah berjaya menggenggam ijazah sarjana, beliau telah berjaya menjawat jawatan sebagai seorang pensyarah muda di UiTM Kampus Jengka, Pahang pada tanggal 15 Januari 2003. Pada tahun 2008, beliau telah melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah kedoktoran (PhD) dibawah seliaan Prof. Son dibawah tajaan Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI). Setelah berjaya menghabiskan pengajian kedoktoran beliau, pada tahun 2013, beliau telah ditempatkan di UiTM Kampus Kuala Pilah sehingga kini.

Tanggungjawab-tanggungjawab yang Diamanahkan

Sejak beliau ditempatkan di UiTM Kampus Kuala Pilah, beliau telah diberi kepercayaan untuk memegang beberapa tanggungjawab penting disebabkan kompetensi yang beliau tonjolkan. Jawatan yang pernah disandang beliau ialah sebagai Koordinator Biologi dan Koordinator Pascasiswazah UiTMCNS selama hampir tiga tahun. Setelah itu, beliau juga telah diberi peluang dan dipercayai untuk mengendalikan unit audit sebagai Ketua Sistem Audit UiTMCNS. Dalam jawatan ini lah beliau berpeluang untuk bekerja rapat dengan timbalan-timbalan rektor UiTMCNS dan dapat sedikit sebanyak belajar mengenai jawatan-jawatan yang amat penting ini. Dengan potensi dan sifat peribadi yang disenangi ahli pengurusan tertinggi UiTMCNS, beliau telah diyakini untuk memegang jawatan yang lebih tinggi iaitu sebagai Timbalan Rektor bagi unit Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni, UiTMCNS (TRek PJIMA).

Unit PJIMA adalah bersifat lebih menyeluruh dan merangkumi pelbagai bidang akademik mahupun bukan akademik. Semasa beliau memegang jawatan sebagai TRek PJIMA, pelbagai pembangunan dan pemantapan sistem pengurusan telah berjaya beliau dan unit beliau usahakan. Apa yang beliau telah lakukan pada awal penjawatan beliau ialah, berbincang dan bekerja secara rapat bersama kesemua koordinator-koordinator di bawah unit PJIMA dalam penstrukturkan semula dan penyelarasan sistem kerja unit mereka.

Semua bertujuan supaya gerak kerja menjadi lebih efisien dan mudah untuk dikelola. Walaupun hanya setahun memegang jawatan, penyusunan semula sistem-sistem ini dilihat telah memberikan impak yang amat baik. Inisiatif dalam mengaktifkan kumpulan-kumpulan “Special Interest Group” juga telah dimulakan semasa dibawah pengurusan beliau. Kesemua penstrukturkan semula unit PJIMA kini diterima baik dan telah terus dimantapkan lagi oleh TRek PJIMA yang baharu menggantikan beliau iaitu Dr. Siti Sara Ibrahim. Disebabkan sifat peribadi Dr. Noorlis yang amat disenangi oleh semua pihak, di samping mempunyai etika kerja yang mantap, beliau telah dirasakan amat sesuai untuk mengendalikan unit HEA kerana unit ini adalah lebih berkaitrapat dengan perhubungan antara insan seperti staf-staf akademik dan juga para pelajar.



Pelantikan Dr. Noorlis sebagai TRek PJIMA



Ketika penyerahan tugas TRek PJIMA daripada Dr. Noorlis Ahmad kepada Dr. Siti Sara Ibrahim

*Di awal pelantikan
beliau sebagai
Timbalan Rektor Hal
Ehwal Akademik,
UiTMCNS (TRek HEA),
Dr. Noorlis mendapat
sokongan yang amat
baik dari kesemua
Penolong Pendaftar
(AR) HEA dan juga
para Ketua Pusat
Pengajian (KPP)*



Semua aspek itu membantu dalam memudahkan beliau membiasakan diri dengan jawatan yang baharu ini. Juga tidak dilupakan bimbingan dan sokongan yang jitu dari mantan TREk HEA iaitu Profesor Madya Dr. Abdul Halim Ramli.

Evolusi Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran – COVID-19

Di dalam saat getir akibat COVID-19, antara tanggungjawab awal beliau adalah untuk menyahut baik strategi yang dicadangkan oleh Majlis Eksekutif Universiti (MEU) UiTM dan mengadaptasikan mengikut kapasiti dan kemampuan UiTMCNS dengan mengambil kira ketiga-tiga kampus iaitu Kampus Kuala Pilah, Kampus Seremban, dan Kampus Rembau.

Akibat kesukaran yang dialami pelbagai pihak dalam menyesuaikan diri dengan P&P secara atas talian, pasukan Dr. Noorlis di unit HEA bersama-sama berganding bahu dalam melaksanakan program-program “e-Pembelajaran” di mana pelbagai program webinar telah dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada para pensyarah dan juga para pelajar dalam menggunakan aplikasi-aplikasi bagi melancarkan proses P&P.

Dr. Noorlis ada mengatakan bahawa tiada masalah yang diajukan dari pihak pensyarah dalam mengadaptasi praktis P&P masing-masing ke sistem “Open Distance Learning” (ODL) kerana kebanyakkan pensyarah di UiTMCNS adalah dari kalangan pensyarah muda, manakala para pensyarah yang lebih berumur pula amat efisien dalam mencari jalan untuk melakukan ODL. Kebanyakkan masalah dalam menyesuaikan diri dalam sistem ODL ini ialah dari kalangan pelajar yang mempunyai kekangan masing-masing. Antara masalah yang kerap kali perlu dikendalikan ialah di mana segelintir pelajar telah menghilangkan diri dari kelas atas talian masing-masing semasa semester sedang berjalan. Pasukan Dr. Noorlis akan menghubungi ahli keluarga pelajar bagi menanyakan masalah yang dihadapi oleh pelajar sehingga tidak melakukan tugas-tugasan bagi melayakkan mereka untuk lulus satu-satu mata pelajaran.



Pelantikan Dr. Noorlis sebagai TREk HEA

Kebanyakkan pelajar mengalami masalah liputan internet yang lemah sehingga tidak dapat menggunakan aplikasi-aplikasi pembelajaran. Bagi menyelesaikan masalah seperti ini, Dr. Noorlis bersama AR HEA yang lain akan kerap kali berjumpa di UiTM Kampus Seremban bagi membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar sempanjang ODL dilaksanakan. Kata sepakat dalam memikirkan solusi kepada masalah tersebut akan seterusnya dibentangkan oleh Dr. Noorlis kepada rektor UiTMCNS, Profesor Dr. Yamin Yasin bagi mendapatkan persetujuan. Kemudiannya, selepas dipersempurna ahli mesyuarat, Dr. Noorlis bersama jawatankuasa HEA yang lain akan terus menjalankan operasi-operasi untuk menyelesaikan masalah tersebut. Begitulah operasi yang dijalankan di unit HEA.

Dr. Noorlis juga ada berkongsi pengalaman mendapat tahu bahawa ada pelajar di Terengganu sedang mengalami masalah liputan internet di mana dia tidak dapat memuat turun nota pelajaran. Bagi menyelesaikan masalah ini, unit HEA telah mengambil inisiatif untuk mencetak kesemua nota bagi kod kursus tersebut dan Dr. Noorlis sendiri telah menghantar dokumen tersebut ke pejabat pos untuk dihantar ke rumah pelajar yang terkesan. Begitu komited pasukan Dr. Noorlis dalam memastikan para pelajar dapat menjalankan sesi ODL dengan lancar dan tiada seorang pun yang ketinggalan dalam pelajaran.

Cabarannya yang telah dihadapi pihak HEA disebabkan pelaksanaan PKP tidak terhenti di situ. Setelah PKP dilonggarkan, para pelajar sudah mula dibenarkan untuk kembali ke kampus. Di sini, unit HEA lah yang bertanggungjawab untuk menyusun bilangan-bilangan pelajar yang akan dibenarkan masuk ke kampus mengikut fasa bagi mengelakkan penularan COVID-19 di dalam kampus.




Para pelajar tahun akhir yang sedang menjalani latihan industri juga mengalami kesukaran kerana tidak dibenarkan untuk hadir ke tempat latihan akibat PKP. Jadi pelbagai urusan dalam penyusunan semula metod latihan industri ini telah dibuat dengan berbincang dengan pihak industri bagi membuat penstrukturkan semula dalam memberi tugas dan latihan buat para pelajar.

Dalam segala masalah yang telah dihadapi oleh semua pihak dalam pelaksanaan ODL, melalui soal selidik yang telah dibuat, kini didapati bahawa semua pihak sudah mula berjaya menyesuaikan diri dengan sistem P&P yang baharu ini. Masalah yang dihadapi para pelajar sebelum ini pun sudah berkurangan oleh kerana berjaya untuk ditempatkan di dalam kampus yang mempunyai liputan internet yang lebih stabil.

Apabila ditanya mengenai perspektif Dr. Noorlis atas sistem P&P yang akan dijalankan pada semester-semester akan datang memandangkan Malaysia sudah beralih ke fasa endemik, Dr. Noorlis secara terang menarik nafas lega.

Pihak HEA akan mencadangkan untuk melakukan P&P secara atas talian dan juga secara bersemuka di dalam bilik kuliah. Dengan ini, para pelajar akan berpeluang merasakan pengalaman belajar di dalam bilik kuliah seperti dahulu kala!



Sesi *Townhall* yang kerap kali diadakan bersama para pensyarah



Para pelajar Ijazah Sarjana Muda Biologi meluahkan penghargaan kepada Dr Noorlis selepas selesai menghabiskan sesi P&P secara atas talian bagi kod Biorisk Management (BMS533)

Pesanan Dr. Noorlis

Sambil tersenyum manis, Dr. Noorlis mengatakan, beliau adalah seorang yang tidak suka berada dalam keadaan tertekan dan juga tidak suka menunjukkan stres diri kepada orang di sekelilingnya. Jikalau seseorang berputus asa beliau akan mengatakan, "kalau kamu tidak boleh lakukannya, mari sini saya cuba usahakan," dengan erti kata lain, tidak perlu stres, hanya perlu cuba sehabis baik untuk selesaikan tanggungjawab. Beliau juga berkongsi bahawa beliau menggunakan tempoh dua jam di dalam kereta setiap hari ke tempat kerja untuk berfikir mencari jalan penyelesaian bagi setiap masalah yang perlu diselesaikan. Beliau juga selalu memegang kata-kata arwah bapanya, "kalau orang bagi (tanggungjawab) kat hang, maksudnya hang boleh buat, hang kena tahu dan hang kena boleh buat." Kata-kata arwah bapanya menjadi pembakar semangat bagi terus melakukan yang terbaik apabila diamanahkan dengan jawatan.

Nasihat Dr Noorlis ikhlas buat para pensyarah:

- **Sentiasa berfikiran positif**
- **Jangan merendahkan kebolehan diri sendiri**
- **Apabila diberi cabaran, terus cuba untuk berikan yang terbaik**
- **Jangan pandang enteng pada amanah yang orang berikan kepada kita kerana ia bermaksud orang percaya pada kemampuan kita.**

Nasihat yang paling ditekankan dan yang boleh menjadi pegangan semua ialah, "Be nice to people, sebab ingatlah jawatan ini adalah rotation, semua orang akan berpeluang untuk berada di hot seat ini," kata Dr. Noorlis sambil tersenyum penuh makna.



Penulis merakan kenangan bersama ketika sesi temu ramah bersama Dr. Noorlis